

Had umur bersara kekal 55

KUALA LUMPUR: Had umur bersara 55 tahun bagi kakitangan awam tidak akan dinaikkan kepada 60 tahun kerana ia akan melahirkan ramai golongan 'kayu mati', kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Katanya, golongan kayu mati yang malas bekerja akan lebih ramai menunggu usia 60 tahun untuk bersara jika kerajaan mengubah had umur persaraan.

"Ada ramai golongan kayu mati (dalam perkhidmatan awam), yang kalau umur bersara dinaikkan kepada 60 tahun... mereka inilah yang akan menunggu hingga berumur 60 tahun.

"Sedangkan (kakitangan) yang cekap akan bersara lebih awal, terutama apabila sektor swasta menawarkan pekerjaan lebih baik dengan gaji tinggi," katanya dalam majlis *Malam Sekalung Budi* Sejuta Kenangan sempena persaraan Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri, Tan Sri Zainol Mahmood, di sini malam tadi.

Sehubungan itu, Dr Mahathir berkata, kakitangan berkebolehan patut ditawarkan jawatan tertentu selepas bersara untuk memastikan tenaga dan perkhidmatan mereka digunakan sebaik mungkin.

Di majlis itu, Perdana Menteri turut memuji Zainol kerana berjaya menjalakan tuasnya di Kementerian Dalam Negeri dengan lancar dan cekap walaupun terpaksa menghadapi gelagat ahli politik.

Menurutnya, diplomasi Zainol sesuai dijadikan teladan kerana berjaya berurusan dengan semua pihak tanpa menimbulkan kemarahan, termasuk apabila terpaksa menolak sesuatu permintaan.

Sehubungan itu, katanya, kerajaan terus mem-

beri kepercayaan kepada Zainol dengan melantiknya sebagai Pengerusi Pos Malaysia selepas persaraannya.

Zainol yang akan bersara secara rasmi Rabu ini berkhidmat dalam perkhidmatan awam selama 31 tahun. Antara jawatan utama yang pernah disandangnya ialah Ketua Pengarah Unit Penyelidikan dan Pelaksanaan Jabatan Perdana Menteri, Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang, KSU Kementerian Wilayah Persekutuan dan Ketua Pengarah Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

Beliau juga pernah dikurniakan pingat Panglima Setia Mahkota pada 1991, Datuk Paduka Mahkota Perlis (1989), Johan Mangku Negara (1988) dan Darjah Yang Mulia Pangkuan Negara (1983).

Turut hadir pada majlis itu ialah Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Megat Junid Megat Ayub, Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri, Ong Ka Ting dan Ketua Polis Negara, Tan Sri Haniff Omar.